

Sifat PM dipuji

BH- 4/11/2006

Ahli MT minta Dr M nilai semula kritikan

Oleh Wan Hazmir Bakar, Johari Ibrahim, Amirullah Andi Nur, dan Hasnira Hassan

KUALA LUMPUR: Pemimpin Umno menyifatkan keputusan Majlis Tertinggi (MT) tidak mengambil tindakan terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad kerana terus mengkritik kerajaan dan pemimpinnya bukti keterbukaan dan kesabaran pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, mereka meminta bekas Perdana Menteri supaya menerima hakikat Umno tetap menghormati dan tidak pernah menyisihkan beliau seperti disangka serta menggunakan saluran betul jika mahu membuat kritikan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata Dr Mahathir perlu menilai semula kritikkannya, khususnya yang bersifat peribadi, kerana tuduhan tidak berasas seperti dibuatnya hanya akan mengaibkan Umno dan bangsa Melayu.

Sambil memuji ketabahan dan toleransi Abdullah, Ketua Menteri Melaka itu berkata bekas Perdana Men-

teri itu seharusnya memahami hati dan perasaan ahli MT yang masih menghargai jasa beliau walaupun menjadi sasaran kritikkannya.

“Memang ada kritikan membina tetapi ada juga sebaliknya seperti menyentuh peribadi dan tidak berasas. Apabila kita saling berbalas tuduhan, semua cerita terbuka, sedangkan kita tidak dapat apa-apa,” katanya.

Kelmarin, mesyuarat MT Umno yang dipengerusikan Abdullah memutuskan untuk tidak mengambil tindakan terhadap Dr Mahathir dan mengekalkan beliau sebagai penasihat beberapa syarikat serta badan

“Memang ada kritikan membina tetapi ada juga sebaliknya seperti yang menyentuh peribadi”

Mohd Ali Rustam
Naib Presiden Umno

separa kerajaan walaupun bekas Perdana Menteri itu terus mengkritik kerajaan dan pemimpinnya.

Di ALOR STAR, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, Datuk Johari Baharom, berkata keputusan MT itu menggambarkan Dr Mahathir masih dihormati Umno.

“Keputusan MT itu menunjukkan Dr Mahathir tidak pernah disisihkan dan menggambarkan Umno rasional. Tetapi, Dr Mahathir juga perlu menghormati keputusan itu dengan membuat teguran membina,” katanya.

Di KOTA KINABALU, Naib Ketua Puteri Umno, Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata keputusan itu juga menunjukkan parti berkenaan sentiasa menghargai sumbangan bekas Perdana Menteri itu.

Rosnah berkata, sekiranya Dr Mahathir mempunyai niat baik, beliau sepatutnya bersama-sama dengan kerajaan untuk membantu memajukan negara.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Sabah, Datuk Japlin Akim, berharap Dr Mahathir menghentikan segera tindakan mengkritik kerajaan.